



No. Rujukan : KUIM/KEW/PINJ/PTPTN/2020

Tarikh : 15 September 2020  
27 Muharam 1442 H

Assalamualaikum wr.wb / Salam Sejahtera

<b>TAJUK</b>	<b>MAKLUMAN PENGGUNAAN APLIKASI 'GOOGLE FORM' BAGI MUAT NAIK MAKLUMAT AKAUN BIMB PELAJAR</b>
<b>KEPADA</b>	<b>Semua mahasiswa/ mahasiswi Peminjam PTPTN</b> Kolej Universiti Islam Melaka
<b>DARIPADA</b>	<b>Bendahari</b>
<b>SALINAN KEPADA</b>	YBhg Naib Canselor Timb. Naib Canselor Peng. Korporat, Penyelidikan & Inovasi Timb. Naib Canselor HEPA Dekan Fakulti (FKI/ FIPT/ FSS/ FUG/ FPHP/ FBP/ FKSK) Presiden MPP

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Kolej Universiti Islam Melaka telah memohon pertukaran Bank Pembayar Pinjaman PTPTN dari Bank CIMB ke Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mulai 01 Januari 2021. Sehubungan itu, semua pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka diminta untuk membuka akaun simpanan BIMB di cawangan Bank Islam yang berdekatan.

3. Bagi pelajar yang telah mempunyai akaun BIMB, pelajar adalah dimohon untuk mengisi borang **'google form'** seperti tertera di laman web rasmi KUIM dengan memasukkan maklumat peribadi yang **BETUL**. Pelajar juga diminta untuk mengemukakan salinan kad pengenalan dan penyata bank BIMB pelajar (yang tertera nama pemegang akaun dan nombor akaun bank) bagi proses tersebut. Maklumat ini perlu dilengkapkan selewatnya pada **30 Oktober 2020 (Jumaat)** sebelum jam 5.00 petang.

4. Pihak KUIM tidak akan bertanggungjawab di atas **KEGAGALAN** pihak pelajar untuk mengemaskini maklumat tersebut mengikut tarikh yang ditetapkan yang mengakibatkan bayaran pinjaman PTPTN tidak dapat disalurkan. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi 06-3878162 (Puan Zalinah) atau 06-3878443 (Puan Izati/ Cik Norasyikin).

Kerjasama dan perhatian dari semua mahasiswa/i kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(NORASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM)